

KONTRAKTOR DIDENDA RM10,000

Aiman Sadiq Abdullah

23 April 2018

Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/kontraktor-didenda-rm10-000-1.825533>



A'ala Shah (tiga, kiri) ketika sebutan kes di Mahkamah Seksyen Raub, pagi tadi.

RAUB - Akibat melonggokkan sampah di tempat tidak sepatutnya setahun lalu, sebuah syarikat diarah membayar denda RM10,000 oleh Mahkamah Seksyen Raub, di sini, pagi tadi.

Hakim Shahrizat Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap syarikat Muda Industrial Construction Works selepas pemiliknya, Alvin Lee Kheen Shin, 46, membuat pengakuan bersalah.

Mengikut pertuduhan dibacakan, Kheen Shin melonggokkan sisa pepejal terkawal iaitu sisa pepejal pembinaan di Tanah Rizab Perbadanan Aset

Keretapi berhadapan dengan lot tanah bernombor 114, Tanjung Lipis, Kuala Lipis, di sini, kira-kira jam 11 pagi, 14 April 2017.

Kontraktor terbabit melakukan kesalahan mengikut Seksyen 71 (1) Akta 672 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 yang memperuntukkan hukuman denda minima RM10,000 dan maksima RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang dari enam bulan serta tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Dalam mahkamah sama, satu lagi syarikat dan seorang individu yang juga beroperasi di daerah Lipis turut didakwa di bawah Seksyen 71 (1) Akta 672 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Bagaimanapun, pemilik syarikat dan individu tersebut mengaku tidak bersalah atas tuduhan terbabit dan meminta mahkamah membicarakan kes itu.

Syarikat berkenaan didakwa melakukan longgokan sisa pepejal terkawal dalam milikannya sendiri di HS (M) 1186, Lot PT 2290, Kuala Lipis, kira-kira 11.10 pagi pada 20 Disember 2017.

Manakala individu tersebut melakukan longgokan sisa pepejal pembinaan dalam milikannya sendiri di GM 410, Lot 410, Kuala Lipis, kira-kira jam 8.50 pagi pada 21 Disember 2017.

Mahkamah kemudian menetapkan 18 Mei ini untuk tarikh perbicaraan.

Kedua-dua kes tersebut disiasat oleh Pegawai Penyiasat, A'ala Shah Md Yusop dan pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Muhamad Yasser Mohd Nazri.